

# Terengganu tetapkan premium tanah RM1 untuk pendidikan

UM - 21/9/2006

KUALA TERENGGANU 20 Sept. - Terengganu menetapkan kadar premium tanah serendah RM1 kepada Kerajaan Pusat untuk pembinaan institusi pendidikan di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Datuk Idris Jusoh berkata, ia bagi menghargai langkah Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan besar dalam pembangunan sektor pendidikan di negeri ini.

Beliau berkata, premium terbaru itu

berkuat kuasa untuk pembinaan Universiti Darul Iman Malaysia di Besut dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Bukit Besi, Dungun.

"Ia telah diluluskan pada mesyuarat Exco hari ini," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Idris berkata, kadar tersebut akan diberikan kepada semua

projek pembangunan pendidikan yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negeri.

Bagaimanapun katanya, bagi institusi pengajian tinggi swasta yang mahu memajukan sektor pendidikan di negeri ini, perkara tersebut boleh dibincangkan.

"Kadar premium secara diskaun mungkin boleh dipertimbangkan," kata beliau.

Idris berkata, kerajaan negeri sedar Kerajaan Pusat memperuntukkan berbilion ringgit untuk pembangunan di negeri ini termasuk dalam sektor pendidikan.

"Kerana itu amatlah wajar kita memberikan sokongan dalam bentuk menyediakan kadar premium paling rendah.

"Ini kerana yang mendapat keuntungan itu ialah kerajaan dan rakyat di negeri Terengganu," katanya.